

● Majlis pernikahan Sabtu ini ● Hidup saya akan lebih bermakna – PM

Jeanne pilihan Abdullah

UM- 7/6/2007

Oleh FAUZI JAAFAR dan SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 6 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memilih Jeanne Abdullah sebagai pasangan hidupnya kerana wujud keserasian antara mereka berdua dan selepas mendapat restu anak-anak serta adik-beradiknya.

Menurut Perdana Menteri, bakal isterinya itu mampu menjaga beliau dengan baik.

Upacara pernikahan mereka akan diadakan di Seri Perdana, Putrajaya pada Sabtu ini.

Abdullah, 67, mengenali Jeanne sejak lebih 20 tahun lalu. Katanya, wanita berusia 54 tahun itu amat menyayangi arwah isterinya, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood.

“Kasih dan cinta saya pada Kak Endon tetap teguh. Tuhan menciptakan banyak ruang dalam hati sanubari kita bagi berlainan orang untuk disayangi.

“Kita boleh sayangi ibu, anak, isteri, cucu, adik tetapi kita tidak dapat bandingkan kasih kita kepada ibu dengan kasih kepada isteri. Jeanne adalah satu daripadanya... itu adalah kelebihan Allah,” kata Perdana Menteri dalam nada ceria pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) 2007 di sini petang ini.


Beliau telah berbincang dengan anak-anaknya, Kamaluddin dan Nori serta adik-beradiknya.

Mereka memberi restu kepada perkahwinan itu.

Pagi ini, Abdullah memaklumkan hasratnya untuk mengahwini Jeanne kepada Yang di-Pertuan Agong selain menyampaikan berita gembira itu kepada menteri-menteri pada mesyuarat mingguan Kabinet.

Selepas mesyuarat itu, Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan satu kenyataan mengenai perkahwinan tersebut.

Menurut kenyataan itu, Jeanne dilahirkan pada 29 Julai 1953 di Kuala Lumpur dan



GAMBAR Abdullah Ahmad Badawi semalam.



JEANNE ABDULLAH

■ Lihat muka 2

Sambungan dari muka 1

Jeanne pilihan Abdullah

merupakan anak sulung daripada empat adik-beradik.

Beliau menerima pendidikan di Sekolah Menengah Assunta, Petaling Jaya dan berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan perhotelan setelah terlibat dalam pengurusan beberapa hotel terkemuka seperti Hotel Hilton dan Hotel Pan Pacific.

Jeanne sebelum ini bertugas sebagai pengelola kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri dan pengurus Kompleks Seri Perdana.

Jeanne mempunyai dua anak daripada

perkahwinan lalu, Nadiyah dan Nadene.

Perdana Menteri berkata, Jeanne pernah berkahwin dengan adik lelaki Allahyarham Endon tetapi mereka bercerai 15 tahun lalu.

Walaupun Perdana Menteri tersenyum bersulam ketawa ketika menjawab soalan-soalan pemberita mengenai perkahwinannya, tetapi beliau terkelu seketika apabila ditanya tentang perasaan kasihnya terhadap Endon yang meninggal dunia kerana kanser payudara dua tahun lalu.

Kasihnya terhadap Endon akan kekal abadi

di dalam ingatan, tegas Abdullah pada sidang akhbar itu yang dihadiri kira-kira 40 wartawan.

Kerana kasih beliau yang mendalam, Perdana Menteri mahu gambar-gambar Allahyarham Endon yang tergantung pada dinding di Seri Perdana terus dikekalkan.

“Gambar-gambar Kak Endon yang ada itu adalah ingatan memori yang abadi... kalau nak tambah yang dia (Jeanne) punya tak apalah,” kata Abdullah.

Menjawab satu soalan mengenai perwata-

kan Jeanne yang menyebabkan beliau jatuh hati, Perdana Menteri berkata, bakal isterinya itu adalah orang yang cukup sederhana.

“Dia seorang yang cukup sederhana, peramah, kalau diambil kira hubungan dia dengan orang yang datang ke rumah saya semasa Kak Endon masih hidup, dialah yang sambut kawan-kawan dan tetamu yang datang nak jumpa saya,” ujarnya.

Ditanya bilakah beliau mula jatuh cinta dengan Jeanne, Abdullah berkata: “Baru-baru ini... kurang daripada setahun.”